

Mengenali Takaful & Insurans

Disediakan oleh: Unit Penyeliaan Insurans/Takaful, Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tumpuan kita pada minggu ini adalah mengenai peranan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sebagai pengawalselia industri takaful dan insurans di negara ini. Berdasarkan statistik belum beraudit yang dikumpulkan oleh pihak AMBD, jumlah keseluruhan aset sektor kewangan pada penghujung tahun 2014 adalah sebanyak B\$22.4 bilion. Sejumlah 6% daripadanya adalah terdiri daripada aset takaful dan insurans. Sejak 10 tahun yang lalu, kutipan premium mencatatkan pertumbuhan (rujuk jadual di bawah). Namun demikian, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pihak AMBD pada tahun 2013, ternyata terdapat keperluan bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai takaful dan insurans serta faedah-faedahnya. Ini kerana ramai yang berpendapat bahawa produk kewangan ini tidak mendatangkan sebarang faedah yang nyata.

Jadual 1: Premium & Sumbangan

	2005 (B\$ juta)	2014 (B\$ juta)	% Pertumbuhan
Jumlah kutipan premium/sumbangan:	150.74	307.47	104%
Jumlah Am	82.56	193.72	135%
Jumlah Keluarga / Nyawa	68.18	113.74	67%
Sumbangan takaful:	48.47	159.97	230%
Sumbangan Am	41.02	119.93	192%
Sumbangan Keluarga	7.45	40.04	437%
Premium Insurans:	102.28	147.49	44%
Premium Am	41.54	73.79	78%
Premium Nyawa	60.73	73.70	21%

Sumber: Penyeliaan Insurans/Takaful, AMBD

Kenapa Takaful & Insurans?

Di dalam kehidupan, kita akan sentiasa berhadapan dengan risiko situasi yang tidak dijangkakan. Jika situasi berkenaan berlaku, awda akan memerlukan wang untuk menampung kos tersebut yang mana boleh mengganggu pengurusan kewangan awda. Takaful dan insurans boleh membantu awda untuk menangani musibah yang tidak dijangka, samada melalui pampasan atau tuntutan (misalnya, membayar balik perbelanjaan perubatan awda) atau *reinstatement* (misalnya, memperbaiki rumah awda yang terbakar kepada keadaan asal). Takaful dan insurans juga boleh membantu awda semasa di dalam pelayaran di luar negara seperti di situasi awda kehilangan beg bagasi atau jatuh sakit. Tanpa takaful atau insurans, risiko berkenaan dan kos-kos berkaitan akan ditanggung sepenuhnya oleh awda.

Jenis-Jenis Takaful & Insurans

Am	Keluarga / Nyawa
<ul style="list-style-type: none">• Melindungi aset-aset dan hartanah awda seperti rumah, kenderaan, wang, liabiliti, dll.	<ul style="list-style-type: none">• Melindungi nyawa dan keluarga awda seperti <i>term life</i>, endowmen, pendidikan, gadai janji, dll.
<ul style="list-style-type: none">• Kemalangan persendirian memberikan faedah kematian dan kecacatan kekal serta pembayaran perubatan.	<ul style="list-style-type: none">• Memberikan bantuan pembayaran perubatan awda.

Perbezaan di antara Takaful dan Insurans

Takaful memberikan perlindungan kewangan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah melalui perkongsian risiko di antara peserta-peserta takaful. Manakala insurans adalah berdasarkan prinsip memindahkan risiko awda kepada syarikat insurans. Pengguna-pengguna yang memilih Takaful akan membuat aqad dengan pengendali takaful. Sumbangan yang dibayar oleh para peserta akan disatukan di dalam sebuah dana peserta takaful, yang mana akan digunakan untuk memberi bantuan kepada mana-mana peserta yang menghadapi musibah. Sementara itu, bagi insurans, premium yang dibayar kepada syarikat insurans menjadi milik syarikat insurans dan sebarang tuntutan akan dibayar oleh syarikat insurans.

Bagaimanakah takaful atau insurans memberikan manfaat kepada awda dan keluarga awda?

Tujuan utama takaful/insurans adalah untuk memberikan perlindungan terhadap risiko-risiko harian yang mungkin terjadi. Ini bermakna manfaatnya hanya akan diperolehi jika sesuatu musibah terjadi. Contohnya, awda hanya akan memperolehi manfaat daripada insurans/takaful kenderaan apabila terjadinya kemalangan.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian produk-produk takaful keluarga dan insurans nyawa yang di samping memberikan perlindungan, ianya boleh digunakan sebagai mekanisme simpanan yang berdisiplin serta sebagai pelaburan yang boleh memberikan pendapatan kepada peserta/pemegang polisi selepas tamat tempoh polisi.

Bagi yang membuat pinjaman bank atau kemudahan pinjaman, mereka adalah dikehendaki untuk memiliki takaful/insurans bagi pinjaman tersebut sepertimana yang disyaratkan oleh bank atau institusi kewangan. Takaful/insurans tersebut adalah bertujuan untuk mengurus risiko di antara bank dan peminjam jika peminjam meninggal dunia sebelum tamat tempoh pinjamannya. Dengan adanya perlindungan tersebut, ahli keluarga atau waris peminjam tidak perlu berasa khuatir kerana pengendali takaful/syarikat insurans akan bertanggungjawab untuk membayar pinjaman yang tertunggak.

Pengendali-Pengendali Takaful and Syarikat-Syarikat Insurans yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam

Pengendali-pengendali takaful am	Nombor telefon
Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn Bhd	2222232
Takaful Brunei Am Sdn Bhd	2454969
Syarikat-syarikat insurans am	
Audley Insurance Company Sdn Bhd	2383621
Etiga Insurance Berhad	2233474
MBA Insurance Sdn Bhd	2441535
National Insurance Company Berhad	2426888
Standard Insurance Sdn Bhd	2240401
Tokio Marine Insurance Singapore Limited	2236100
Pengendali-pengendali takaful keluarga	
Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn Bhd	2222232
Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd	2231100
Syarikat-syarikat insurans am	
AIA Co. Ltd	2239112
The Great Eastern Life Assurance Company Ltd	2233118
Tokio Marine Life Insurance Singapore Ltd	2423755

Awda boleh mendapatkan takaful/insurans melalui cara-cara berikut:

1. Secara langsung daripada cawangan-cawangan pengendali takaful/syarikat insurans yang berdaftar.
2. Daripada agen-agen yang berdaftar dengan AMBD.
3. Daripada bank-bank yang menawarkan *bancassurance/bancatakaful*.
4. Daripada mana-mana broker yang berdaftar dengan AMBD.

Cadangan semasa mencari takaful/insurans yang bersesuaian

- ✓ **Buat perbandingan** – dapatkan anggaran/sebutharga daripada beberapa pengendali takaful/syarikat insurans untuk membuat perbandingan. Jangan takut untuk bertanyakan soalan.
- ✓ **Pilih pelan/polisi yang bersesuaian** – tulis senarai/skop perlindungan yang awda perlukan. Pilih pelan/polisi yang memenuhi keperluan awda.
- ✓ **Baharui pelan/polisi awda** – lakukan apabila pelan/polisi awda akan mansuh atau keadaan awda (skop perlindungan yang diperlukan) berubah.
- ✓ **Kira jumlah perlindungan yang awda perlukan** – pastikan awda melindungi nilai aset dengan jumlah yang betul agar awda tidak membayar lebih daripada yang awda perlukan.
- ✓ **Semak pengecualian** – sentiasa bertanya mengenai skop perlindungan yang diberikan dan tidak diberikan di dalam polisi insurans/takaful awda
- ✓ **Semak harga** – pastikan awda mengambil insurans/takaful yang bersesuaian dengan harga yang betul. **Harga yang murah tidak semestinya yang terbaik.** Pada kebiasaannya, harga murah bermakna kurang skop perlindungan.
- ✓ **Ketahui “excess” awda** – *Excess* adalah jumlah insuran persendirian yang tidak boleh dituntut daripada pengendali takaful/syarikat insurans. Jika awda membuat tuntutan, jumlah excess ini akan ditolak dari jumlah keseluruhan tuntutan awda.
- ✓ **Jujur dengan pengendali takaful / syarikat insurans awda** – awda hendaklah sentiasa memberikan semua maklumat yang relevan yang dikehendaki oleh pengendali takaful/syarikat insurans. Jika tidak, ianya boleh menjejaskan peluang awda untuk mendapatkan manfaat takaful/insurans.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful dan Insurans, awda bolehlah memuat turun “*My Takaful and Insurance Book*”, yang dihasilkan oleh AMBD atas kerjasama pihak Brunei Insurance and Takaful Association (BITA), daripada laman web AMBD iaitu www.ambd.gov.bn. Salinan buku berkenaan bolehlah didapati secara percuma di Tingkat 7, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, BB3910.